

# **KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA**

KUTKM.02/10.12/2.Jld.2 (27)

30 Mac 2004

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2004**

**(1) PERSARAAN PILIHAN SENDIRI OLEH Y.BHG. DATUK REKTOR  
KUTKM; DAN**

**(2) PEMANGKUAN JAWATAN REKTOR OLEH Y.BHG. PROF. DR. AZHARI  
BIN SALEH**

Adalah dimaklumkan bahawa Y.Bhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin bin Abd Ghani telah diluluskan persaraan pilihan sendiri daripada perkhidmatan awam oleh pihak kerajaan berkuat kuasa pada 13 Mac 2004.

2.0 Lembaga Pengarah dan seluruh warga universiti amat merasai kehilangan seorang tokoh yang begitu berjasa kepada universiti dan walaupun dalam keadaan masih amat memerlukan kepimpinan beliau, seluruh warga dapat merelakan keputusan yang telah diambil oleh Y.Bhg. Datuk demi memenuhi permintaan kepimpinan negara untuk bergiat sepenuh masa di dalam arena politik dalam negara ini. Seluruh warga universiti mendoakan kejayaan dan masa depan gemilang Y.Bhg. Datuk.

3.0 Sehubungan dengan perkara di atas, pihak Kementerian Pendidikan telah bersetuju untuk melantik Y.Bhg. Prof. Dr. Azhari bin Saleh sebagai Pemangku Rektor mulai 29 Mac 2004 bagi suatu tempoh tertentu sehingga pelantikan Rektor yang baru diputuskan oleh pihak kerajaan. Dengan pelantikan ini seluruh warga universiti dapat memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada Y.Bhg. Prof. Dr. Azhari bin Saleh untuk meneruskan kecemerlangan kepimpinan di universiti ini.

Insyallah.

Sekian, dimaklumkan.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah

**HASAN BIN SIRUN**

Pendaftar

/hta

sk Y.Bhg. Datuk Timbalan Rektor (Akademik)  
Pegawai-pegawai Kanan / Dekan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar